

# Berita UniMAP

## UniMAP Terima Kunjungan Menteri MENTOR

KANGAR , 27 Februari 2010 - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menerima kunjungan Menteri Mentornya iaitu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili bersempena Karnival Sains dan Inovasi MOSTI yang berlangsung di Perlis.



Lawatan delegasi MOSTI yang disertai lebih 20 Pengurusan Tertinggi dan kakitangan MOSTI dimulakan dengan upacara pelepasan Peserta Program Jalan Kaki Inovasi UniMAP di perkarangan Kolej Kediaman Wang Ulu. Program itu merupakan sebahagian daripada program wajib untuk membolehkan graduan UniMAP bergraduasi. Sesi lawatan kemudiannya diteruskan ke Makmal Bersih dan Automart UniMAP di Kuala Perlis. Di sini, beliau dan delegasi dibawa melihat persekitaran makmal serta peralatan terkini yang digunakan oleh pelajar UniMAP dalam menjayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Delegasi kemudiannya meneruskan lawatan ke Kampus Tetap UniMAP yang mana, Datuk Seri Maximus Ongkili turut menanam Pokok Bunga Kertas sebagai simbolik lawatan sebelum beredar mendengar taklimat yang disampaikan oleh

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin yang turut disertai oleh Dekan dan Ketua Jabatan UniMAP. Pada sesi lawatan itu juga, Datuk Seri Maximus Ongkili turut meluangkan masa beramah mesra dengan para pelajar dari Sabah dalam satu majlis jamuan makan tengah hari. Sementara itu, dalam sidang media yang diadakan, beliau berkata, kementerian bersedia membantu memaju serta mengkomersialkan produk teknologi nano yang dihasilkan institusi pengajian tinggi (IPT) menerusi penubuhan sebuah syarikat bagi memasarkan produk terbabit. Ujar beliau, Unit Teknologi Nano (UTN) telah dipertanggungjawabkan untuk menghimpunkan semua hasil inovasi teknologi nano IPT selain membantu mencari pasaran bagi memasarkannya sekaligus berkeupayaan menjana ekonomi negara. Katanya, kesungguhan dan keupayaan IPT, termasuk UniMAP menghasilkan produk teknologi nano begitu membanggakan dan kementerian melihat secara serius untuk mengembangkan penghasilan inovasi berkenaan.

"Selain mengkomersialkan hasil teknologi nano IPT, UTN yang ditubuhkan sejak tiga bulan lalu turut berperanan terhadap usaha pembangunan dan penyelidikan (R&D) dan pempatenan produk terbabit.

"Dengan itu, kita yakin produk teknologi nano IPT dapat dikomersialkan secara lebih terancang dan terjamin berikutan perkembangan pesat industri terbabit di peringkat global sekarang," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, UTN menjalinkan kerjasama dengan tiga universiti iaitu UniMAP, Universiti Teknologi Mara (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk pembangunan dan pemasaran teknologi nano. Kementerian turut bercadang menubuhkan sebuah syarikat untuk memasarkan projek IPT terbabit dan usaha mengkomersialkannya bergantung kepada kualiti projek yang dibangunkan mereka.